

# ANALISIS PENGGUNAAN PENGKHUSUSAN DALAM BAHASA MELAYU MENGIKUT PERSPEKTIF GAYA BAHASA ARAB

Ann Surina bt Sulaiman<sup>1</sup>

Dr. Mohd. Zaki bin Abd. Rahman<sup>2</sup>

## Abstrak

Gaya pengkhususan adalah suatu ungkapan yang digunakan dengan konsep yang hampir serupa dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji gaya pengkhususan dalam kedua-dua bahasa melalui analisis teks yang mengandungi kata tugas pengkhususan bagi tujuan pengkhususan atau menunjukkan makna pengkhususan mengikut kaedah bahasa Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan perbandingan dan analisis secara deskriptif teks dari novel yang ditulis oleh penulis di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa kata tugas pengkhususan yang paling kerap digunakan dalam bahasa Melayu ialah “hanya” dan partikel “lah”. Kaedah pengkhususan dalam bahasa Melayu dapat dimantapkan dengan menggunakan kata tugas pengkhususan bagi situasi menyangkal dakwaan pendengar dan meletakkan perkara yang ingin ditekankan pada permulaan ayat. Hasil dari kajian ini diharapkan dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran gaya pengkhususan dan menjadi panduan berguna dalam usaha penterjemahan.

Kata kunci : pengkhususan, *al-qasr*, *al-hasr*, Arab, Melayu.

## Pengenalan

Setiap orang boleh menyampaikan maksud yang sama dengan menggunakan bahasa yang berlainan. Pengkhususan adalah satu bentuk gaya ungkapan yang digunakan dengan konsep yang hampir serupa dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Pengkhususan merupakan sejenis ungkapan yang memiliki keistimewaan tersendiri, dikenali sebagai *al-qasr* atau *al-hasr* dalam bahasa Arab dan termasuk dalam perbahasan ilmu *ma‘ani*, iaitu salah satu cabang balaghah Arab.

---

<sup>1</sup> Pelajar PhD, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, surayya2002@gmail.com.

<sup>2</sup> Pensyarah kanan, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, mzakirah@um.edu.my.

Pengkhurusan bermaksud mengkhususkan dan membataskan sesuatu perkara dengan sesuatu perkara lain (al-Taftazaniy, 2013: 382). Satu contoh pengkhurusan yang biasa didengar ialah ungkapan "لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ" yang bermaksud: "*Tiada tuhan kecuali Allah*". Tuhan yang layak disembah dikhususkan kepada Allah S.W.T. dan selain dariNya bukan tuhan serta tidak layak disembah. Ayat yang mengandungi pengkhurusan lebih tegas dan lebih kuat impaknya berbanding dengan ayat biasa yang tiada pengkhurusan seperti "اللَّهُ إِلَهٌ" yang bermaksud: "*Allah adalah tuhan*". Gaya pengkhurusan dalam ayat tersebut berlaku dengan penggunaan partikel *la* dan *illa* yang merupakan gabungan penafian dengan pengecualian.

Pengkhurusan dalam bahasa Melayu pula termasuk dalam jenis penegasan dengan menggunakan perkataan seperti "hanya", "sahaja" dan sebagainya. Kata "hanya" dan "sahaja" yang menunjukkan makna "pembatas" bebas diletakkan dalam subjek atau predikat, contohnya: "*Hanya dia sahabat karib saya*" dan "*Barang itu hanya boleh dibeli di kedai*" (Nik Safiah & Farid Md Onn, 2008: 262). Namun biasanya "sahaja" diletakkan di belakang kata yang hendak dibatasinya dari segi makna, contohnya: "*Tidak ada orang di rumah itu. Dia tinggal seorang diri sahaja*". Perkataan "hanya" pula diletakkan sebelum unsur berkenaan, contohnya: "*Tidak ada orang di rumah itu. Dia hanya tinggal seorang diri*" (Asmah, 2008: 157).

Beberapa kajian kontrastif antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab telah dijalankan dalam pelbagai bidang seperti kajian mengenai gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab (Mohd Azidan, 2004), kiasan (Mohamad Yazid, 2010; Abdul Basir et al, 2016) dan peribahasa (Mohd Zaki et al, 2013). Bagaimanapun tiada sebarang kajian khusus dijalankan untuk membandingkan penggunaan gaya pengkhurusan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Terdapat tiga buah kajian yang mengkaji penterjemahan ayat al-Qur'an al-Karim yang mengandungi pengkhurusan ke bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Muhammad Arsyad (2009) mendapati bahawa makna pengkhurusan adakalanya tidak dipertimbangkan ketika menterjemah ayat al-Qur'an al-Karim dan menyebabkan para pembaca tidak dapat memahaminya dengan baik. Mohammed Jasim (2013) juga mendapati ayat yang mengandungi pengkhurusan yang diterjemah ke bahasa Inggeris kurang impak kekuatannya berbanding dengan ayat dalam bahasa asal iaitu bahasa Arab. Menurut Mohamad Firman Shah (2010) masalah tersebut timbul disebabkan oleh perbezaan struktur ayat antara bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat masalah dalam proses penterjemahan gaya bahasa pengkhususan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Oleh itu kajian ini perlu dijalankan untuk memperbaiki kelemahan dalam penterjemahan makna pengkhususan dan untuk membantu pemahaman konsep pengkhususan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan untuk menyelidik persamaan dan perbezaan gaya bahasa pengkhususan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Beberapa teks terpilih dalam bahasa Melayu dianalisis berdasarkan kaedah bahasa Arab. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian perbandingan seperti ini amat penting kerana membantu usaha memperkasakan penterjemahan teks dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran gaya bahasa Arab. Robert Lado (1957: 2) mengatakan penemuan elemen yang serupa dalam dua bahasa memudahkan seorang pelajar untuk memahami bahasa kedua sedangkan elemen dalam bahasa kedua yang berlainan dari bahasa ibundanya lebih sukar difahami (dipetik oleh Hartmann, 1980: 26).

### **Metodologi Kajian**

Kajian yang membandingkan dua bahasa yang berlainan atau dinamakan kajian kontrastif bahasa telah mula diperkenalkan pada sekitar abad ke-19 dan masih menjadi pilihan para pengkaji zaman sekarang. Secara umumnya kajian kontrastif boleh terjadi antara dua bahasa yang berasal dari kelompok yang sama atau yang berbeza atau antara dialek. Kajian kontrastif bertujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan antara dua bahasa. Kajian seperti ini amat berfaedah untuk mengenal pasti kesinambungan antara dua bahasa, meneliti tahap perkembangannya dan mengandaikan bentuk asli yang setara dalam kedua-dua bahasa (al-Baghdadiy, 1995: 55). Namun kesan terpenting dari kajian ini ialah mencetuskan penemuan suatu pendekatan yang berteraskan teks iaitu teori terjemahan (Hartmann, 1980: 27).

Kajian ini menggunakan pendekatan kontrastif atau perbandingan untuk mengenal pasti kaedah pengkhususan yang hampir serupa dan yang berlainan dalam bahasa Arab dan juga bahasa Melayu. Sebanyak tujuh buah teks bahasa Melayu yang mengandungi kata tugas pengkhususan atau menunjukkan makna pengkhususan dianalisis mengikut kaedah pengkhususan dalam bahasa Arab. Analisis teks dilakukan untuk menambah baik ayat yang mengandungi gaya pengkhususan dalam bahasa Melayu dengan mencadangkan penggunaan kata tugas tertentu atau menyarankan pindaan ayat mengikut kaedah yang terdapat dalam bahasa Arab. Teks yang dipilih secara rawak merupakan petikan dari novel “Rentong” karya Shahnnon Ahmad (1972), novel “Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur” karya Keris Mas (1986), dan novel “Merpati Putih Terbang Lagi” karya Khadijah Hashim (1986). Dalam kajian ini teks

yang dipilih adalah hasil tulisan penulis terkenal di Malaysia. Kajian ini tidak menganalisis terjemahan ayat al-Qur'an al-Karim atau Hadith dari bahasa Arab ke bahasa Melayu, sebaliknya menganalisis teks yang ditulis dalam bahasa Melayu kerana ragam ayatnya yang bersifat bebas dan kandungannya yang bertemakan fiksyen.

### Pengkhususan Dalam Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu

Pengkhususan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu mengandungi beberapa persamaan dalam perkara berikut :

a) Kaedah yang menghasilkan maksud pengkhususan.

Antara kaedah yang menghasilkan maksud pengkhususan adalah seperti dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Kaedah yang menghasilkan pengkhususan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Kaedah pengkhususan bahasa Arab	Kaedah pengkhususan bahasa Melayu
<p>Penafian dengan pengecualian<sup>3</sup>,            contohnya: { <i>إِنَّ أَجْرِي إِلَّا عَلَى اللَّهِ</i> } (Hud: 29)            yang bermaksud: “<i>Aku tidak mengharap upahku kecuali dari Allah</i>”.</p>	<p>Kata tugas “sahaja”, “selain”, “kecuali”, “melainkan”, “semata-mata”, “satu-satunya” dan “cuma”<sup>4</sup>,            contohnya: “...jikalau ada ilmu itu bagimu sekali-kali <i>tiada</i> engkau akan terbang dan <i>tiada</i> pula engkau dihanakan orang <i>melainkan</i> termulia juga adanya” (Abdullah Munsyi, 1974: 19).</p>
<p>Partikel <i>innama</i>,            contohnya: { <i>وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ</i> } (Surah al-Mulk : 27) yang bermaksud: “<i>Dan aku hanyalah pemberi amaran yang jelas</i>”.</p>	<p>Kata tugas “hanya” dan “hanyalah”,            contohnya: “<i>Muhammad hanyalah seorang nabi</i>”.</p>
<p>Partikel <i>lakin</i>,            contohnya: " <i>لَا يَخْضُرُ عَلَيَّ لَكِنَّ أَحْمَدُ</i> " yang bermaksud: “<i>Ali tidak hadir tetapi Ahmad hadir</i>”.</p>	<p>Kata sendi “bukan dan “tetapi”,            contohnya: “<i>Kita bukan berbangga dengan harta tetapi dengan ilmu</i>”.</p>
<p>Pendepanan partikel <i>jarr</i> dan <i>majrur</i>,            contohnya: { <i>رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا</i> } (Surah al-Mumtahina: 4) yang bermaksud: “<i>Ya Tuhan</i>”</p>	<p>Pendepanan frasa sendi nama,</p>

<sup>3</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk al-Taftazaniy (2013: 389-394); Abu Musa (1987: 92-183); al-Hasyimiy (1994: 155-156); Fayyud (2008: 244-264); al-Zawba'iy (1997: 373-399).

<sup>4</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk Noresah Baharom (2007: 511); Nik Safiah Karim & Farid Md Onn (2008: 262); Za'ba, (1953: 27-28, 104); Mohd. Zaki & Che Radiah (2013: 20).

kami hanya kepada Engkaulah kami bertawakkal”.

Penambahan alif-lam pada predikat dan meletak kata ganti nama *al-fasl* di hadapannya,

contohnya: { وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ } (Surah

al-Baqarat: 5) yang bermaksud: “dan mereka itulah orang-orang yang berjaya”.

contohnya: “Untuk ibu barang-barang itu” bagi ayat “Barang-barang itu untuk ibu”.

Partikel “lah”,

contohnya: “Dialah guru saya”, perkataan yang diberi penekanan ialah “dia”. Dalam ayat “Dia itu guru sayalah”, perkataan yang diberi penekanan ialah “saya”.

- b) Pengkhususan dalam kedua-dua bahasa ini biasanya mengandungi perkara yang dinafikan dan perkara yang dikhususkan. Contohnya dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Perkara yang dinafikan dan dikhususkan dalam pengkhususan.

Bahasa Arab	Bahasa Melayu
{ وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ } (Surah al-Ahzab: 11) yang bermaksud: “ <i>Bukanlah Nabi Muhammad kecuali seorang Rasul</i> ”.	“ <i>Pada hakikatnya harimau dan kancil bukannya musuh tapi lawan</i> ”.
Perkara yang dinafikan: dinafikan kekal abadi (terlepas dari kematian)	Perkara yang dinafikan: menjadi musuh
Perkara yang dikhususkan: menjadi Rasul (al-Hasyimiy, 1994: 160)	Perkara yang dikhususkan: menjadi lawan (Keris Mas, 1986: 68)

- c) Pengkhususan dalam kedua-dua bahasa lazimnya bertujuan untuk menguatkan maksud ayat dan menarik perhatian pendengar (Abdul-Raof, 2006: 175; Za’ba, 1948: 29). Seorang sarjana balaghah Arab terkenal, al-Sakkakiy (2000: 291) menganggap pengkhususan sebagai penegasan berganda yang lebih kuat dari kata penegas biasa seperti *inna*, *anna* dan *qad*. Asmah (2008: 272) pula mengatakan kata tugas pengkhususan bertujuan untuk menegaskan, menguatkan dan membataskan maksud. Pendek kata, gaya pengkhususan dalam kedua-dua bahasa adalah ungkapan yang tegas, padat dan dapat menyampaikan mesej dengan berkesan.

Ciri-ciri yang membezakan antara pengkhususan dalam bahasa Arab dengan pengkhususan dalam bahasa Melayu ialah:

- a) Dalam bahasa Arab pengkhususan mengandungi pelbagai tujuan seperti meringkaskan idea, menolak dakwaan pendengar, menghilangkan keraguan pendengar dan menunjukkan maksud kepalingan (*al-mubalaghat*). Namun pengkhususan dalam bahasa Melayu hanya bertujuan untuk menguatkan maksud dan menarik perhatian pendengar.

b) Pengkhususan dalam bahasa Arab terdiri daripada dua komponen utama iaitu subjek pengkhususan (dinamakan *maqsur 'alayh*) dan fokus pengkhususan (dinamakan *maqsur*). Menurut al-Hasyimiy dalam ayat ini: "عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْتُ" yang bermaksud: "Hanya kepada Allah aku bertawakkal", fokus pengkhususan ialah pada komponen *jarr* dan *majrur* yang didepankan (kepada Allah). Dalam ayat "عَلِيٌّ هُوَ الشُّجَاعُ" yang bermaksud: "Alilah yang berani", fokus pengkhususan ialah subjek (Ali) (lihat al-Hasyimiy, 1994: 156). Fokus bagi sesuatu pengkhususan dalam bahasa Arab lazimnya terletak di awal ayat.

Dalam bahasa Melayu, gaya pengkhususan didapati tidak mengandungi sebarang komponen dan tidak dinyatakan juga sama ada tugas pengkhususan perlu diletak di awal ayat atau akhir ayat, namun Za'ba (1948: 27) menjelaskan bahawa terdapat pemeringkatan dalam kedudukan perkataan yang ingin dikuatkan. Beliau menyatakan perkataan di awal ayat adalah yang paling kuat dari segi kedudukannya dan maksudnya. Perkataan di akhir ayat adalah yang kedua kuat dan perkataan di tengah ayat adalah yang paling tidak kuat. Dalam ayat "Orang yang membuka Singapura tua ialah Sang Nila Utama", perkataan yang ingin dikuatkan ialah "Sang Nila Utama". Dalam ayat "Negeri Singapura tua itulah yang dibuka oleh Sang Nila Utama", perkataan yang dikuatkan ialah bahagian awal ayat. Dapatlah disimpulkan bahawa kata tugas pengkhususan boleh diletak secara bebas dalam ayat, sama ada di awal atau akhir ayat.

c) Pengkhususan dalam bahasa Arab dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut kategori penafian yang umum atau khusus<sup>5</sup> dan kategori keadaan pendengar<sup>6</sup>.

Setelah mengetahui beberapa ciri persamaan dan perbezaan tentang pengkhususan dalam kedua-dua bahasa, proses menganalisis teks yang bergantung kepada metode perbandingan lebih mudah dijalankan.

---

<sup>5</sup> Sekiranya penutur menggunakan pengkhususan dengan niat untuk menafikan semua pihak lain maka dinamakan jenis "hakiki", contohnya: "Tiada sesiapa yang mengampunkan dosa kecuali Allah S.W.T.". Namun sekiranya pengkhususan digunakan untuk menafikan perkara tertentu, dan bukannya semua perkara maka dinamakan jenis "idafiy". Contohnya jika seseorang menyangka Umar yang memenangi pertandingan, bukannya Ali maka diucapkan kepadanya: "Alilah yang menang bukan Umar" (Fayyud, 2008: 229).

<sup>6</sup> Pendengar yang menyangka tuhan adalah berbilang-bilang maka diucapkan pengkhususan jenis "ifrad", contohnya: "Tiada tuhan selain Allah". Pendengar yang menyangka Ali ialah seorang jurutera padahal dia ialah seorang doktor, diucapkan pengkhususan jenis "qalb", contohnya: "Ali hanyalah doktor, bukan jurutera" untuk membetulkan salah sangka. Pendengar yang ragu-ragu terhadap sesuatu perkara seperti sama ada Ahmad atau Salih yang datang, diucapkan pengkhususan jenis "ta'yin" untuk mengkhususkan siapa yang datang, contohnya: "Ahmadlah yang datang" (al-Zawba'iy, 1997: 381).

## Analisis Data

Dapatan daripada analisis teks dapat dikelaskan kepada tiga kategori iaitu:

### a) **Kata tugas pengkhususan.**

Dalam kategori ini, sebanyak tiga buah teks dianalisis.

#### Analisis teks 1

Pak Senik : *“Aku tahu .... Tok Imam ini pun tahu. Tapi buat apa gaduh-gaduh. Aku hafal setiap bucu dalam Banggol Derdap ini. Siapa baik, siapa jahat. Orang jahat itu aku boleh humber dalam jel. Tapi aku tak mahu. Aku tak suka memaksa orang. Aku tak mahu menyiksa orang. Aku suka hidup aman”*. (Shahnon Ahmad, 1972: 9).

Watak Pak Senik dalam teks tersebut menafikan tiga perkara, iaitu dia tidak mahu menghumber orang jahat ke dalam jel, tidak suka memaksa dan tidak suka menyiksa orang lain. Pak Senik dikhususkan dengan sikap suka hidup aman. Menyatakan perkara yang dinafikan dan dituruti dengan perkara yang dikhususkan merupakan konsep utama dalam pengkhususan. Pengulangan perkataan lain dalam bahasa Melayu lazimnya bertujuan untuk penegasan dan menekankan kepentingannya contohnya: *“Sekalian orang yang melihat kelakuannya mengada-ngada itu benci, jojok, meluat dan serasa-rasa hendak muntah rupanya”* (Za’ba, 1948: 29). Akan tetapi pengulangan penafian dan pembatasan makna adalah sesuai untuk menolak dakwaan pendengar. Dalam hal ini, pendengar berpendapat bahawa kekerasan lebih baik sedangkan Pak Senik lebih sukakan keamanan. Pendapat pendengar yang tidak menyetujui pendirian Pak Senik ditunjukkan dalam ayat berikut: *“Lebai Debasa memalingkan muka bagaikan jijik mendengar sikap Pak Senik yang tak habis-habis menyerah kalah itu”* (Shahnon Ahmad, 1972: 9).

Bagi menolak dakwaan pendengar yang memilih cara kekerasan, kata tugas “hanya” sangat sesuai digunakan untuk menggambarkan bahawa Pak Senik lebih sukakan keamanan, bukan kekerasan. Pindaan ayat yang dicadangkan adalah dengan menggunakan kata tugas pengkhususan seperti berikut:

*“Orang jahat itu aku boleh humber dalam jel. Tapi aku tak mahu. Aku tak suka memaksa orang. Aku tak mahu menyiksa orang. Aku hanya suka hidup aman”*.

#### Analisis teks 2

Pak Senik : *“Aku serah tugas pada kau suruh bahagikan lembu-lembu itu sama rata. Pada Semaun seekor pun kau tak beri. Pasal ?*

Dogol : “*Kerana Semaun bersikap ganas*”.

Pak Senik : “*Dia tidak ganas*”.

Dogol : “*Dia ganas*”.

Pak Senik : “*Tidak ganas. Kau yang mengganaskan. Kau yang ganas. Bukan Semaun*”.

(Shahnon Ahmad, 1972: 72).

Dalam teks tersebut berlaku tuduh menuduh antara penutur (Pak Senik) dengan pendengar (Dogol) tentang siapa yang ganas. Dogol mendakwa Semaun yang ganas namun Pak Senik menafikannya berulang kali dan menegaskan bahawa Dogol yang ganas. Pak Senik cuba untuk menyangkal dakwaan Dogol yang dianggap salah itu dengan mengesahkan bahawa Dogol yang menyebabkan Semaun menjadi ganas. Dalam situasi ini pengkhususan sangat berkesan untuk membetulkan dakwaan yang salah dengan mengesahkan perkara yang sebaliknya, maka partikel “lah” hendaklah ditambah pada kata ganti “kau” untuk mengkhususkan Dogol dengan sikap ganas dan menafikannya daripada Semaun. Pindaan ayat yang disarankan dengan menggunakan kata tugas pengkhususan ialah :

Pak Senik : “*Dia tidak ganas*”.

Dogol : “*Dia ganas*”.

Pak Senik : “*Tidak ganas. Kaulah yang mengganaskan. Kaulah yang ganas. Bukan Semaun*”.

### Analisis teks 3

“*Dia tahu dari pengalaman, Encik Muhammad tidak akan membuat sesuatu yang tidak diketahui benar-benar akan menguntungkannya*” (Keris Mas, 1986: 6).

Berdasarkan teks tersebut, ayat yang terakhir mengandungi dua pernyataan iaitu, pertama, Encik Muhammad tidak akan membuat sesuatu, kedua, Encik Muhammad akan membuat sesuatu yang diketahui benar-benar akan menguntungkannya. Pernyataan tersebut menafikan Encik Muhammad melakukan semua perkara dan mengesahkan dia akan melakukan satu perkara sahaja. Proses tersebut membentuk pengkhususan dalam bahasa Arab kerana ia membataskan dan mengkhususkan sesuatu. Penulis berpendapat teks tersebut mengandungi maksud pengkhususan dan sewajarnya menggunakan kata penyambung “melainkan” untuk menjadikan ayat tersebut lebih jelas dan mudah difahami. Pindaan teks yang dicadangkan ialah:

“*Dia tahu dari pengalaman, Encik Muhammad tidak akan membuat sesuatu **melainkan** yang diketahui benar-benar akan menguntungkannya*”.



Cadangan penggunaan “melainkan” adalah bertepatan dengan ulasan Za’ba (1948: 104) bahawa perkataan yang terletak selepasnya adalah berlainan daripada yang disebut sebelumnya, contohnya: “*Tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah*”. Menurutny lagi ia menunjukkan maksud “*itulah sahaja, tiada lain lagi*” dan ia tidak boleh digunakan untuk “*sekiranya ada boleh memilih lagi*”. Kenyataan tersebut bermaksud bahawa “melainkan” digunakan untuk mengkhususkan sesuatu perkara dan menafikan selain darinya.

b) **Kedudukan fokus pengkhususan.**

Sebanyak dua sampel teks dianalisis dalam kategori ini.

Analisis teks 4

“*Saya cakap yang benar. Zaman tak banyak membawa perubahan pada hati orang. **Yang berubah hanya pakaian saja**. Hati tak berubah*” (Keris Mas, 1986: 32).

Dalam teks tersebut subjek yang dikhususkan ialah “yang berubah”, fokus bagi pengkhususan, iaitu apa yang yang berubah ialah pakaian. Dalam kaedah bahasa Arab, sekiranya ayat yang mengandungi pengkhususan tersebut tidak dimulai dengan penafian, fokus pengkhususan akan diletak di awal ayat. Dalam hal ini, fokus pengkhususan (pakaian) dan kata tugas “hanya” sebaik-baiknya didahulukan supaya perkara yang ingin ditekankan lebih dulu diterima oleh pendengar dan menghasilkan ritma yang sama. Cadangan ini juga seragam dengan susunan ayat selepasnya, ayat yang dicadangkan untuk pindaan ialah:

“*Saya cakap yang benar. Zaman tak banyak membawa perubahan pada hati orang. **Hanya pakaian saja yang berubah**. Hati tak berubah*”.

Analisis teks 5

“...kebanyakannya kelak telah berpindah ke rancangan FELDA. Bagaimanakah pula nanti sikapnya kalau ternyata memang ada yang tidak mahu pindah? Yang Berhormat **hanya pernah mengatakan** urusan itu adalah urusan Encik Muhammad dan keluarganya; urusan Encik Muhammad dan syarikatnya.... Sani merasa kurang sedap duduk termangu melayan fikiran seperti itu (Keris Mas, 1986: 258).

Teks tersebut bermaksud bahawa sekiranya ada orang yang enggan berpindah, maka masalah itu adalah masalah Encik Muhammad dan syarikatnya, bukan masalah Yang Berhormat atau Sani. Oleh itu perkara yang ingin difokuskan melalui pengkhususan ini adalah perkara yang berkaitan dengan Encik Muhammad dan syarikatnya, dan subjek yang menjadi pengkhususan pula ialah urusan orang yang enggan berpindah. Namun dalam teks tersebut perkataan “hanya” digunakan dengan frasa “pernah mengatakan” yang bermaksud bahawa Yang Berhormat tidak berkata kecuali urusan itu adalah urusan Encik Muhammad. Dalam kaedah bahasa Arab, mengenal pasti fokus pengkhususan dan subjek pengkhususan merupakan perkara yang penting. Kekeliruan dalam memahami maksud ayat boleh timbul, contohnya: "إِنَّمَا" "إِنَّمَا ضَرَبَ زَيْدًا عَبْدُ اللَّهِ" yang bermaksud: “Yang memukul Zayd hanyalah Abdullah”, di mana subjek pengkhususan iaitu orang yang memukul difokuskan kepada Abdullah. Adapun ayat: "إِنَّمَا ضَرَبَ" "إِنَّمَا ضَرَبَ عَبْدُ اللَّهِ زَيْدًا" yang bermaksud: “Yang dipukul Abdullah hanyalah Zayd”, di mana subjek pengkhususan iaitu orang yang kena pukul dikhususkan kepada Zayd (al-Jurjaniy, 1981: 261). Dalam kedua-dua contoh ini, fokus pengkhususan adalah komponen terakhir dalam ayat. Oleh sebab itu penulis berpendapat perkataan “hanya” seharusnya mengiringi fokus sesuatu pengkhususan supaya maksud ayat lebih jelas. Sampel teks tersebut disarankan dipinda kepada berikut:

“Yang Berhormat pernah mengatakan urusan itu **hanyalah urusan Encik Muhammad dan keluarganya**; urusan Encik Muhammad dan syarikatnya”.

c) **Penggunaan pengkhususan yang tepat dan berkesan.**

Dalam kategori ini dua sampel teks dianalisis.

Analisis teks 6

“Dia sudah tua. Dia mau mengikiskan segala kebuasannya. Lagi pula dia rasa **Pak Senik bukan bersalah** dalam perkara ini. **Orang lain** yang mempengaruhi Pak Senik agar menyisih mereka” (Shahnon, 1972: 34).

Dalam teks tersebut Pak Senik dinafikan secara khusus sebagai orang yang bersalah, bahkan orang lain selain darinya yang bersalah. Penggunaan frasa “Pak Senik bukan bersalah”

yang mengandikan kata nafi “bukan” dengan predikat “bersalah” bermaksud bahawa fokus pengkhususan dan perkataan yang ingin ditekankan ialah “bersalah”, bukan “Pak Senik”. Namun pengarang berhasrat untuk menekankan “Pak Senik” sebagai pelaku kerana ayat seterusnya menerangkan bahawa “orang lain” yang menjadi pelaku bagi kata kerja “bersalah”.

Berdasarkan kaedah bahasa Arab, pengkhususan dapat mengesahkan sesuatu maklumat dengan lebih tegas dan jitu. al-Hasyimiy (1994: 161) menjelaskan bahawa ayat berikut contohnya: “*Hanya orang yang kuat akan menang*” adalah lebih mudah dan berkesan dari ayat ini: “*Orang yang lemah tidak akan menang dan orang yang kuat akan menang*”. Ciri ini adalah selaras dengan pendapat Arab Badwi bahawa antara kemahiran berbahasa yang tinggi ialah **keupayaan meringkaskan kata-kata dan menyampaikannya dengan tepat** (dipetik oleh al-Jahiz, 1990, 1: 97). Nik Safiah Karim (1992: 74) turut mengakui bahawa keintelektualan sesuatu bahasa hanya tercapai jika ia “*berupaya menghasilkan ungkapan yang tepat, padat dan berkesan*”. Oleh itu al-Jurjaniy (1981: 96) berpendapat bahawa kata nafi yang mendahului kata ganti diri atau kata nama seperti “*Bukan aku yang memukul Ali*” mengkhususkan penafian pelaku dan bukannya penafian kata kerja. Menurut pandangan al-Jurjaniy ayat “*Bukan aku yang memukul Ali*” adalah lebih tegas dan lebih kuat penafiannya dari ayat “*Aku tidak memukul Ali*”.

Penggunaan kata tugas pengkhususan seperti “hanya” atau partikel “lah” amat sesuai digunakan dalam ayat seterusnya supaya penegasan kepada pelaku dapat dilakukan. Sampel teks di atas sebaik-baiknya meletakkan kata nafi “bukan” sebelum fokus pengkhususan dan menggunakan partikel “lah”, cadangan untuk meminda teks tersebut ialah:

“*Dia sudah tua. Dia mau mengikiskan segala kebuasannya. Lagi pula dia rasa **bukan Pak Senik** bersalah dalam perkara ini. **Orang lainlah** yang mempengaruhi Pak Senik agar menyisih mereka*”.

#### Analisis teks 7

Cik Halim: “***Menyedar, memimpin orang-orang kampung bukan tugas aku, tugas wakil rakyat.** Wakil rakyat dia ada. Kalau aku jadi wakil rakyat aku tetap berusaha memperbaiki hidup mereka*” (Khadijah Hashim, 1986: 67).

Teks tersebut bermaksud bahawa Cik Halim mahu menafikan dirinya secara khusus untuk menyedar dan memimpin orang-orang kampung dan ingin mengesahkannya kepada orang lain iaitu wakil rakyat. Penggunaan kata nafi “bukan” yang mendahului frasa “tugas aku” bertepatan dengan penafian kata ganti diri “aku”. Namun dapat diperhatikan bahawa frasa yang

ingin dikhususkan dan diberi penekanan yang lebih ialah “bukan tugas aku” dan bukannya frasa “menyedar, memimpin orang-orang kampung”. Hal tersebut dibuktikan melalui kenyataan seterusnya iaitu: “bukan tugas aku, tugas wakil rakyat”. Oleh kerana itu frasa yang ingin dikhususkan sewajarnya dikedepankan supaya dapat menarik perhatian pendengar dan mewujudkan penegasan yang lebih. Cadangan ini selaras dengan penjelasan Za’ba (1948: 29) bahawa bahagian ayat yang ingin diberi penekanan boleh dikedepankan berbanding susunan biasanya, contohnya: “*Wang ringgit saya tak ada, tetapi apa yang saya ada bolehlah saya berikan*”. Susunan asal ayat tersebut ialah: “*Saya tak ada wang ringgit, tetapi apa yang saya ada bolehlah saya berikan*”. Dapat diperhatikan bahawa Za’ba telah mengedepankan bahagian ayat yang mengandungi penafian, sedangkan bahagian ayat yang berbentuk pengesahan telah diakhirkan. Sampel teks tersebut boleh dipinda dengan mendahulukan frasa yang mengandungi penafian “bukan” dan menambah kata tugas “tetapi” di hadapan frasa yang berbentuk pengesahan, cadangan untuk meminda teks tersebut ialah:

“**Bukan tugas aku** menyedar, memimpin orang-orang kampung, **tetapi** tugas wakil rakyat”.

## Kesimpulan

Antara kesimpulan yang diperolehi dari analisis teks tersebut ialah:

- 1) Kata tugas pengkhususan yang paling kerap digunakan dalam bahasa Melayu ialah “hanya” dan partikel “lah”. Partikel “lah” biasanya mengkhususkan dan menegaskan subjek sedangkan “sahaja” mengkhususkan predikat. Kata “hanya” pula boleh mengkhususkan subjek dan predikat. Semua kata tugas tersebut digunakan bersama kata nafi atau tanpa kata nafi.
- 2) Gabungan kata nafi dan kata penyambung “kecuali” dan “melainkan” dalam bahasa Melayu adalah menyerupai gaya bahasa pengkhususan bahasa Arab. Kaedah tersebut yang dinamakan “*al-nafiy wa al-istithna*” merupakan kaedah yang paling utama dan paling kuat menegaskan maksud dalam bahasa Arab. Kaedah tersebut sering ditemui dalam hikayat Melayu lama, contohnya dalam “Misa Melayu”: “*Ada pun akan kita ini pada hati beta tiadalah kita mahu lagi diam di sini kerana tiada sedap kita nobat dekat dengan kandang makam al-marhum itu melainkan yang kehendak hati beta ini hendak berubah tempat dari Berahman Indera ini*” (Raja Chulan, 1966: 60).

## Cadangan

Beberapa cadangan yang dapat dikemukakan untuk memperkemas gaya pengkhususan dalam bahasa Melayu ialah:

- 1) Kata tugas “hanya”, “kecuali”, “sahaja” dan partikel “lah” bukan setakat menegaskan dan mengkhususkan sesuatu bahkan sewajarnya diperluaskan untuk menolak dakwaan pendengar atau menyakinkan pendengar yang tidak mempercayai sesuatu maklumat.
- 2) Perkataan yang ingin diberi penekanan dan difokuskan melalui sesuatu pengkhususan seharusnya diletak di awal ayat, contohnya: “*Kepada tuhanlah sahaja kita minta tolong*”. Namun sekiranya perkataan tersebut tidak boleh didepankan atas sebab tatabahasa, memadai digandingkan kata tugas pengkhususan dengan perkataan yang difokuskan, contohnya: “*Dia tahu Rahim bukannya orang yang suka hanya berkata-kata*”.
- 3) Struktur ayat yang terdiri daripada gabungan kata nafi “bukan” dengan kata ganti nama diri (contohnya: *bukan aku*) dan gabungan kata nafi dengan “tetapi” (contohnya: *bukan + tetapi*) boleh diterima sebagai kata tugas pengkhususan.

Walaupun susun atur ayat bahasa Arab lebih kompleks dan teliti namun bahasa Melayu tetap berpotensi untuk menjadi bahasa yang penting di peringkat antarabangsa melalui ungkapannya yang indah dan kaedahnya yang mudah. Kajian ini juga diharapkan dapat memudahkan proses terjemahan teks berbahasa Arab ke bahasa Melayu khususnya yang melibatkan gaya pengkhususan.

## Rujukan

- Abdul Basir Awang, Zulkarnain Mohamed, Md. Nor Abdullah. (2016). Similarities between Arabic Kinayah and Malay Idioms by The Theory of *al-Nazm*: A Comparison. *Jurnal Intelek*, 10(2), 56–62.
- Abdullah b. Abdul Kadir Munsyi. (1974). *Hikayat Abdullah* (6th ed.). Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- ‘Abdul-Raof, Hussein. (2006). *Arabic Rhetoric A Pragmatic Analysis* (1st ed.). Oxon, Great Britain: Routledge.
- Abu Musa, Muhammad Muhammad. (1987). *Dilalat al-Tarakib Dirasat Balaghiyyat* (2nd ed.). Kaherah, Mesir: Dar al-Tadamun.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini* (1st ed.). Kuala Lumpur: PTS Professional.

- al-Baghdadiy, Muhammad Sa‘d. (1995). *al-Mujaz fi al-Bahth al-Lughawiy*. Maktabat Insaniyyat.
- Fayyud, Basyuni ‘Abd al-Fattah. (2008). *‘Ilm al-Ma‘ani Dirasat Balaghiyyat wa Naqdiyyat li Masa’il al-Ma‘ani* (2nd ed.). Kaherah, Mesir: Mu’assasat al-Mukhtar.
- al-Hasyimiy, Ahmad. (1994). *Jawahir al-Balaghat fi al-Ma‘ani wa al-Bayan wa al-Badi’*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Hartmann, R. R. K. (1980). *Contrastive Textology: Comparative Discourse Analysis in Applied Linguistics*. Heidelberg: Julius Groos Verlag.
- al-Jahiz, Abu ‘Uthman ‘Amr b. Bahr. (1990). *al-Bayan wa al-Tabyin*. (‘Abd al-Sallam Muhammad Harun, Ed.). Beirut, Lubnan: Dar al-Jil.
- al-Jurjaniy, ‘Abd al-Qahir Abu Bakr b. ‘Abd al-Rahman b. Muhammad. (1981). *Dala’il al-I’jaz*. (Muhammad Rasyid Rida, Ed.) (2nd ed.). Beirut, Lubnan: Dar al-Ma‘rifat.
- Khadijah Hashim. (1986). *Merpati Putih Terbang Lagi* (2nd ed.). Kuala Lumpur: K Publishing & Distributors.
- Keris Mas, Kamaludin Muhammad. (1986). *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Firman Shah. (2010). Tarjamat Mahmud Yunus li al-Ayat al-Mutadamminat ‘ala Uslub al-Qasr min Surat al-Baqarat ila al-Indunisiyyat Dirasat Tahliliyyat min Wujhat ‘Ilm Ma‘ani. Universiti Islam Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Mohamad Yazid Abdul Majid. (2010). *Perbandingan bahasa kiasan dalam cerpen Arab dan Melayu*. Universiti Malaya.
- Mohammed, Jasim Mohammed. (2014). A Study of Some Emphatic Arabic Particles in the Glorious Qur’an with Reference to Translation. *College of Basic Education Researchers Journal, University of Mosul*, 3(1), 935–948.
- Mohd Azidan Bin Abdul Jabar. (2004). Gangguan Bunyi Melayu dalam Sebutan Arab: Satu Analisis Ringkas. *Jurnal Pertanika Sains Sosial & Kemanusiaan*, 12(2), 101–110.
- Mohd. Zaki Abdul Rahman, Ahmad Arifin Sapar, Maheram Ahmad. (2013). Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu Terhadap Teks “Kasih dan Harapan.” *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 1–9.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab: Satu Pengenalan dalam Ilmu al-Ma‘ani* (1st ed.). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Muhammad Arsyad bin Abdul Majid. (2009). *Terjemahan Arab-Melayu Dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendepanan Dalam Surah al-Baqarat*. Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim & Farid Md Onn. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (1st ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah bt Baharom (Ed.). (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Chulan. (1966). *Misa Melayu*. (R.O.Winstedt, Ed.) (4th ed.). Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- al-Sakkakiy, Abu Yusuf Ibn Abi Bakr Muhammad b. ‘Ali. (2000). *Miftah al-‘Ulum*. (‘Abd al-Hamid Hindawi, Ed.) (1st ed.,). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Shahnon Ahmad. (1972). *Rentong* (4th ed.). Melaka: Penerbitan Abbas Bandong.
- al-Taftazaniy, Sa‘d al-Din. (2013). *al-Mutawwal Syarh Talkhis Miftah al-‘Ulum*. (‘Abd al-Hamid Hindawi, Ed.) (3rd ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Za’ba, Zainal Abidin bin Ahmad. (1948). *Pelita Bahasa Melayu Penggal III* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Pejabat Karang-mengarang Persekutuan Tanah Melayu.
- al-Zawba‘iy, Talib. (1997). *‘Ilm al-Ma‘ani bayna Balaghat al-Qudama wa Uslubiyyat al-Muhaddithin* (1st ed.). Benghazi: Mansyurat Jami‘at Qar Yunus.